

Terma dan Syarat

DEFINISI

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain atau jika ia dinyatakan secara nyata, ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepada mereka, iaitu,

“**AmMetLife**”, “**Kami**”, “**Syarikat**” merujuk kepada AmMetLife Insurance Berhad (197301002252) dan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam AmMetLife Insurance Berhad.

“**Kempen**” merujuk kepada “Kempen Pulangan Tunai bagi Produk Insurans AmMetLife”.

“**Produk Insurans AmMetLife**” meliputi produk insurans saluran Bancassurance terpilih iaitu ProtectSecure, ProtectSecure Prime, WealthSecure Max, WealthSecure Smart.

“**Pelanggan**” merujuk kepada semua individu yang membeli produk insurans AmMetLife.

“**Pulangan Tunai**” merujuk kepada Touch 'n Go eWallet reload PIN

Tempoh Kempen

1. Kempen ini sah dari **1 Julai 2023 hingga 30 September 2023** (“Tempoh Kempen”).

Kelayakan

2. Kempen ini hanya terbuka kepada permohonan baharu Produk Insurans AmMetLife yang memenuhi Terma dan Syarat yang termaktub selepas ini.

Tawaran Kempen

3. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang termaktub selepas ini, Pelanggan akan diberi ganjaran dengan Pulangan Tunai (Touch 'n Go eWallet reload PIN) berdasarkan kriteria di bawah:

Premium Tahunan	Ganjaran
RM3,600 sehingga RM5,999	Pulangan Tunai bersamaan RM100 Touch 'n Go e-Wallet Reload PIN
RM6,000 sehingga RM9,999	Pulangan Tunai bersamaan RM200 Touch 'n Go e-Wallet Reload PIN
RM10,000 dan ke atas	Pulangan Tunai bersamaan RM1,000 Touch 'n Go e-Wallet Reload PIN

Pelanggan layak menerima satu (1) Pulangan Tunai dengan syarat:

- i. Borang (-borang) cadangan yang lengkap dan pembayaran diterima dalam Tempoh Kempen selewat lewatnya pada by 30 September 2023 dan seterusnya diluluskan oleh AmMetLife sebelum 16 Oktober 2023; dan
 - ii. Polisi (-polisi) melepasi 15 hari tempoh bertenang.
4. Setiap polisi baru yang diluluskan oleh AmMetLife hanya layak untuk satu (1) Pulangan Tunai. Pelanggan boleh membeli pelbagai polisi daripada AmMetLife, namun setiap Diri yang Diinsuranskan hanya layak menerima maksimum satu (1) Pulangan Tunai sahaja.
 5. Tawaran Kempen tidak sah digabungkan dengan mana-mana tawaran/promosi lain yang sedang berlangsung.
 6. Premium Bahagian Pelaburan dan Premium Tambahan untuk pelan berkaitan pelaburan premium tetap dan premium lanjutan (jika ada) akan dikecualikan daripada pengiraan Premium Tahunan untuk kelayakan Pulangan Tunai. Untuk pelan berkaitan pelaburan, hanya Premium Bahagian Insurans (seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi) digunakan untuk menentukan Premium Tahunan untuk kelayakan Pulangan Tunai.

AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)

Head Office : Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

 +603 2271 8000  ammetlife.com

Postal Address : GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

Customer Care :  1300 88 8800  +603 2272 3226

 customercare@ammetlife.com



7. Jika terdapat sebarang pindaan yang dilakukan selepas polisi berkuatkuasa, Ganjaran akan diberi berdasarkan Premium Tahunan yang lebih rendah.
8. Para pelanggan bertanggungjawab untuk memberikan maklumat hubungan yang tepat dan lengkap sepertimana yang dinyatakan dalam borang cadangan. AmMetLife tidak akan bertanggungjawab sekiranya AmMetLife tidak dapat menghubungi pelanggan menerusi maklumat yang diberikan oleh pelanggan seperti dalam borang cadangan. Sekiranya pelanggan tidak menerima Pulangan Tunai (Touch 'n Go eWallet reload PIN) kerana maklumat hubungan yang tidak tepat atau gagal dihubungi menerusi cara yang mencukupi dan wajar dengan sebaik usaha, AmMetLife berhak untuk membatalkan Reload PIN berkenaan.
9. Touch 'n Go eWallet reload PIN (Reload PIN) akan dihantar melalui email dan SMS ke alamat email dan nombor telefon bimbit pelanggan dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari setelah kempen tamat. Pelanggan mesti membuka atau log masuk akaun Touch 'n Go eWallet untuk menebus Reload PIN.
10. Reload PIN sah untuk digunakan pada aplikasi Touch 'n Go eWallet; tertakluk pada terma dan syarat Touch 'n Go dan peniaga yang mengambil bahagian, dan tidak sah bersama dengan baucar, tawaran atau promosi lain.
11. Tarikh luput Reload PIN akan dinyatakan pada email dan SMS dan AmMetLife tidak akan bertanggungjawab keatas Reload PIN yang sudah luput, hilang atau dicuri dan ianya tidak akan diganti. Reload PIN adalah sah untuk tempoh tiga ratus enam puluh (360) hari dari tarikh kod diterima daripada AmMetLife.
12. Reload PIN bukan baucar tunai dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau kredit. AmMetLife tidak akan memenuhi permintaan untuk menghantar Reload PIN kepada pihak ketiga.
13. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, AmMetLife dengan tegas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan, atau pengesahan, dinyatakan atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian Hadiah untuk sesuatu tujuan.
14. AmMetLife sama sekali tidak menggalakkan, membenarkan, meluluskan atau menyokong penggunaan Reload PIN atau mana-mana jenama atau barang dagangan yang dijual di melaluinya. Untuk sebarang pertanyaan dan/atau pertikaian berkenaan Reload PIN, sila berhubung terus dengan Touch 'n Go eWallet. Pelanggan boleh menghubungi melalui perkhidmatan hotline Touch 'n Go eWallet di 03 5022 3888 untuk isu berkenaan penggunaan Reload PIN.
15. AmMetLife berhak untuk menggantikan Reload PIN dengan nilai yang serupa mengikut budi bicara mutlak kami tanpa notis selepas tarikh tamat kempen.
16. AmMetLife mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan secara khusus di sini, secara keseluruhan atau dalam mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen sebagaimana yang difikirkannya perlu dan sesuai dengan notis melalui laman web atau notis rasmi AmMetLife di cawangan AmMetLife.
17. AmMetLife mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan, yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan atau perbuatan salah berkaitan Kempen ini dan/atau terhadap AmMetLife, daripada menerima Tawaran Kempen Keputusan AmMetLife adalah muktamad dan AmMetLife tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menyemak semula kes yang hilang kelayakan.
18. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan bersetuju serta membenarkan data peribadi Pelanggan dikumpul, diproses dan digunakan oleh AmMetLife selaras dengan Notis Privasi AmMetLife yang boleh didapati di laman web rasmi AmMetLife di www.ammethlife.com/privacy-policy/.
19. AmMetLife tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini atas sebab-sebab sebarang tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, penguncian, tindakan perindustrian, api, banjir, kemarau, ribut, wabak virus, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa peristiwa di luar kawalan AmMetLife yang munasabah.
20. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan digubal di bawah undang-undang Malaysia.

AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)

Head Office : Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

 +603 2271 8000  ammethlife.com

Postal Address : GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

Customer Care :  1300 88 8800  +603 2272 3226

 customercare@ammethlife.com



21. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen, Pelanggan boleh merujuk kepada wakil jualan bank kami atau pergi ke cawangan AmMetLife terdekat atau bercakap dengan Khidmat Pelanggan kami di 1300 88 8800 atau email kami di customercare@ammetlife.com.

AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)

Head Office : Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
 +603 2271 8000  ammetlife.com

Postal Address : GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

Customer Care:  1300 88 8800  +603 2272 3226  customercare@ammetlife.com